

06/04/2000

Shah Rukh, Juhi lakon di Malaysia Julai

Kadir Dikoh; Hazirah Che Sab

BINTANG filem Bollywood, Shah Rukh Khan dan Juhi Chawla akan ke Malaysia untuk penggambaran filem terbaru melalui syarikatnya, Dreamz Unlimited, yang dijangka pada Julai ini.

Meskipun judul filem itu belum diketahui, kira-kira 50 peratus penggambarannya dijangka dilakukan di negara ini. Lokasi dan jumlah pelakon tambahan di kalangan penduduk tempatan belum diketahui.

"Saya diberitahu oleh Shah Rukh Khan ketika mengadakan persembahan di Brunei baru-baru ini mengenai hasratnya itu," kata pengarah eksekutif Pro-Imej Productions Sdn Bhd, Raj Bhatt Raj yang pernah menganjurkan konsert bintang filem itu The Awesome Foursome di Stadium Shah Alam Oktober lalu yang turut membabitkan Salman Khan, Juhi dan Twinkle Khanna.

Pro-Imej Productions Sdn Bhd adalah syarikat tempatan yang berurusan dengan syarikat filem Shah Rukh Khan.

"Jika semuanya berjalan lancar, mereka mungkin memulakan penggambaran pada Julai ini," katanya ketika ditemui selepas mengiringi enam produser filem Bollywood yang menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya dekat Kuala Lumpur, kelmarin.

Mereka yang diiringi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir itu termasuk aktres popular filem Hindi, Priti Sapru yang kini menjadi penerbit dan pengarah kepada syarikatnya, Sai Sapru Creation, Rakesh Nath dari syarikat Dashaka Films Entertainment, Catharin Olivia (syarikat Sogun Films), Avtar Kohli (Ak International Motion) dan Vimal Kumar dari Shimram Chitya Motion Pictures.

Shah Rukh dan Juhi pernah berlakon bersama dalam enam filem setakat ini, antaranya Raju Ban Gaya Gentleman, Yes Boss, Duplicate dan terbaru, Phir Bhi Dil Hai Hindustani.

Peminat tempatan yang masih teringat dengan filem poplarnya seperti Dilwale Dulhania Le Jayenge, Dil To Pagal Hai dan Kuch Kuch Hota Hai, pasti ingin melihatnya dengan lebih dekat apabila mereka membuat penggambaran di sini kelak.

Peminat juga pasti ternanti-nanti kemunculan Juhi di Malaysia. Shah Rukh suka berlakon dengan Juhi yang disifatkannya sebagai pelakon komikal wanita terbaik yang dilahirkan Bollywood.

Selain syarikat penerbitan Dreamz Unlimited milik Shah Rukh bersama Juhi dan Aziz Mirza, yang akan mengadakan penggambaran di Malaysia, enam produser yang menemui Dr Mahathir kelmarin turut menyatakan hasrat membuat penggambaran di negara ini.

Shogun Films, misalnya, dijangka akan membuat penggambaran pertama di Malaysia bulan depan bagi filemnya Paagalpan (Kegilaan). Lima lagi pengeluaran filem dijangka akan datang secara bergilir-gilir pada bulan-bulan berikutnya.

Olivia yang ditemui di majlis yang sama berkata, syarikatnya akan menonjolkan keindahan alam semulajadi dan seni bina Malaysia, tradisional dan moden, untuk pembikinan Paagalpan.

Priti berkata, lokasi filem yang indah di Malaysia selain jaminan kerajaan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengeluaran filem, akan membuatkan lebih banyak pengeluaran filem datang ke negara ini.

"Switzerland adalah contoh terbaik yang memberikan semua bantuan yang diperlukan bagi pembuat filem dan ini adalah satu daripada sebab kenapa penggambaran untuk lebih 100 filem Bollywood dibuat di sana," katanya.

Kohli AK International Motion, menjangkakan pihaknya akan berada di

Malaysia pada Mei atau Jun ini untuk penggambaran filemnya dan antara lain turut menggunakan penari tempatan dan kemudahan makmal.

(END)